



KERAJAAN NEGERI MELAKA

**PEKELILING KEWANGAN DAN PERAKAUNAN
BILANGAN 2 TAHUN 2010**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN PESANAN TEMPATAN
PADA PENGHUJUNG TAHUN KEWANGAN**

1. TUJUAN

Pekeliling ini adalah untuk menyediakan garis panduan bagi menyeragamkan proses pengurusan pesanan tempatan pada penghujung tahun kewangan bagi semua jabatan dan pusat tanggungjawab.

2. PENDAHULUAN

Garis panduan ini dikeluarkan berdasarkan keperluan dalam Pekeliling Kewangan Dan Perakaunan Bilangan 1 Tahun 2009 – Peraturan Penutupan Akaun Tahun Kewangan 2009 para 5.1.3(iv).

Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab di dalam pengurusan pesanan tempatan dalam menentukan tindakan samada sesuatu pesanan tempatan dibawa ke tahun kewangan berikutnya atau dibatalkan **selepas tamat tempoh Akaun Kena Bayar (berdasarkan Pekeliling Penutupan Akaun Tahun Kewangan yang dikeluarkan setiap hujung tahun).**

3. PEMBATALAN ATAU MEMBAWA KE HADAPAN PESANAN TEMPATAN:

3.1 Keadaan-keadaan yang memerlukan pesanan tempatan dibawa ke hadapan:

3.1.1 Bekalan atau perkhidmatan telah sempurna dilaksanakan oleh pembekal tetapi tidak sempat diproses bayaran oleh jabatan dalam tahun kewangan pesanan tempatan tersebut dikeluarkan.

3.1.2 Baucar bayaran kepada pesanan tempatan tersebut telah dikuiri oleh Perbendaharaan Negeri dan tidak sempat dibayar dalam tempoh AKB tahun kewangan pesanan tempatan tersebut dikeluarkan.

3.2 Keadaan-keadaan yang memerlukan pesanan tempatan dibatalkan:

3.2.1 Pesanan tempatan yang dikeluarkan tetapi tidak diserahkan kepada pembekal.

3.2.2 Pesanan tempatan dikeluarkan dan diserahkan kepada pembekal tetapi tidak dapat dipastikan samada bekalan atau perkhidmatan yang diminta dapat dilaksanakan pada tahun pesanan tempatan itu dikeluarkan.

3.2.3 Pesanan tempatan dikeluarkan dan diserahkan kepada pembekal tetapi bekalan atau perkhidmatan tidak dilaksanakan pada tahun pesanan tempatan itu dikeluarkan.

4. TATACARA BAWA HADAPAN PESANAN TEMPATAN DAN BATAL PESANAN TEMPATAN

4.1. Proses bawa hadapan pesanan tempatan.

4.1.1. Di dalam modul PTJ Kewangan sila guna Butang Proses, Pilih No. 2 – Proses Bawa Ke Hadapan Pesanan Tempatan dan klik butang Pertanyaan.




- 4.1.2. Skrin akan memaparkan senarai semua pesanan tempatan yang masih belum selesai.

No Pesanan Tempatan	Tarikh	Amaun	
I 27/2009	15-DEC-2009	4000	<input checked="" type="checkbox"/>
L090230000064	13-APR-2009	950	<input checked="" type="checkbox"/>
L090230000082	14-MAY-2009	705	<input checked="" type="checkbox"/>
L090230000088	02-JUN-2009	890	<input checked="" type="checkbox"/>
L090230000109	23-JUN-2009	890	<input checked="" type="checkbox"/>
L090230000150	12-OCT-2009	466.5	<input checked="" type="checkbox"/>
L090230000153	12-OCT-2009	125	<input checked="" type="checkbox"/>
L090230000192	14-DEC-2009	365	<input checked="" type="checkbox"/>
			<input type="checkbox"/>

- 4.1.3. Tentukan dan kenalpasti pesanan tempatan-pesanan tempatan yang hendak **dibawa ke hadapan** berdasarkan keperluan pada para 3.1. di atas.
- 4.1.4. Bagi pesanan tempatan yang telah dikenalpasti dan ditentukan untuk dibawa ke hadapan kekalkan tanda .
- 4.1.5. Bagi pesanan tempatan yang telah dikenalpasti dan ditentukan untuk tidak dibawa ke hadapan, 'untick' pada kotak kecil bagi menghilangkan simbol bagi mengekalkan pesanan tempatan tersebut.

4.1.6. Setelah selesai membuat pilihan, klik butang **"Bawa Ke Hadapan"** untuk proses bawa ke hadapan pesanan tempatan.




4.1.7. Proses ini boleh dilakukan beberapa kali dengan syarat pesanan tempatan tersebut belum dibatalkan lagi.

4.1.8. Bagi pesanan tempatan yang telah dikenalpasti dan ditentukan **untuk dibatalkan**, tentukan tanda pada pesanan tempatan yang berkenaan.

No Pesanan Tempatan	Tarikh	Amaun	<input type="checkbox"/>
127/2009	15-DEC-2009	4000	<input type="checkbox"/>
L090230000064	13-APR-2009	950	<input type="checkbox"/>
L090230000082	14-MAY-2009	705	<input type="checkbox"/>
L090230000088	02-JUN-2009	890	<input type="checkbox"/>
L090230000109	23-JUN-2009	890	<input type="checkbox"/>
L090230000150	12-OCT-2009	486.5	<input type="checkbox"/>
L090230000192	14-DEC-2009	355	<input checked="" type="checkbox"/>
			<input type="checkbox"/>
			<input type="checkbox"/>
			<input type="checkbox"/>

4.1.9. Setelah selesai membuat pilihan pesanan tempatan - pesanan tempatan yang hendak dibatalkan, 'klik' Butang '**Batal**' untuk proses pembatalan pesanan tempatan.



4.1.10. Proses ini boleh dilakukan beberapa kali sehingga semua pesanan tempatan telah dibatalkan.

4.1.11. Bagi pesanan tempatan-pesanan tempatan yang telah dibatalkan tindakan hendaklah diambil untuk **membatalkan nota minta** yang berkaitan melalui proses berikut:

- i) **Sila semak di Skrin Kemasukan, Butang 2 - Pesanan Tempatan Nota Minta** bagi memastikan pesanan tempatan tersebut telah dibatalkan.

Senarai Dokumen Pesanan Tempatan Nota Minta 20/06/2008

Pilih Kosongkan Keluar

KERAJAAN NEGERI MELAKA
Senarai Dokumen Pesanan Tempatan Nota Minta

Ditolak
 Belum Ditemak
 Ditemak
 Lulus
 Senarai

Tarikh:
 Jab:
 PTJ:

No Dokumen:
 Tahun:

Tarikh	No. Pesanan	Amount	Status
14/12/2009	L090230000192	355.00	Batal After Lulus

Rekod : 1 / 1

- ii) Di dalam modul PTJ Kewangan, di **Skrin Kemasukan**, sila **pilih Butang 1 – Nota Minta**. Skrin akan memaparkan Nota Minta kepada pesanan tempatan tersebut yang masih berstatus '**kemaskini**'.
- iii) Tentukan Nota Minta yang hendak dibatalkan, klik **Butang Pilih** dan skrin akan memaparkan Nota Minta yang dikehendaki.
- iv) Klik **Butang batal** untuk membatalkan Nota Minta tersebut. Sekiranya disemak semula Nota Minta tersebut akan berstatus **Batal Selepas Lulus**.

Senarai Dokumen Nota Minta 03/01/2008

Pilih Kosongkan Keluar

KERAJAAN NEGERI MELAKA
Senarai Dokumen Nota Minta

Ditolak Belum Disemak Disemak Lulus

Tarikh: Jab: 0100 PTJ: 01000100

No Dokumen: N090230000213 Tahun:

Tarikh	No Dokumen Rujukan	Nama Pembekal	Amount	Status	No Pesanan
13/12/2009	N090230000213	PERCETAKAN NASIONAL MALAY	355.00	Batal Selepas Lulus	L090230000192

Rekod: 1 / 1

- 4.2. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan **tiada lagi pesanan tempatan yang terpapar dalam tahun kewangan yang berkenaan** setelah proses bawa ke hadapan pesanan tempatan dan proses pembatalan selesai dilakukan.
- 4.3. Bagi pesanan tempatan yang dikeluarkan di bawah **perbelanjaan amanah**, proses bawa ke hadapan pesanan tempatan boleh dilakukan selepas tahun berakhir 31 Disember. Ini bermakna pada tahun kewangan 2009, proses bawa ke hadapan pesanan tempatan, bermula **pada 01 Januari 2010 yang lalu**.
- 4.4. Manakala bagi pesanan tempatan yang dikeluarkan di bawah **perbelanjaan mengurus**, proses di atas boleh dilakukan **selepas tamat tempoh AKB (31 Januari tahun berikutnya)**.
- 4.5. Walau bagaimanapun sekiranya tindakan proses bawa hadapan pesanan tempatan belum dilaksanakan sehingga kini, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan ianya dilakukan **sebelum atau pada 25 Februari 2010 (Khamis)**.

5. Sehubungan dengan itu, kerjasama YB. Datuk/tuan/puan bagi mematuhi garis panduan ini amatlah dihargai dan sekiranya menghadapi sebarang kesulitan, sila hubungi talian berikut untuk penjelasan:-


- | | | | |
|------|------------|---|------------------------------|
| i. | 06-2307680 | - | En. Sadikin bin Aton |
| ii. | 06-2307527 | - | En. Ferhard bin Abdullah |
| iii. | 06-2307388 | - | Pn. Zalinah binti Hamzah |
| iv. | 06-2307589 | - | Pn. Kamsiah binti Hj. Kechut |

Sekian, terima kasih.

" 1 MALAYSIA, MELAKA MAJU 2010 "

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(SADIKIN BIN ATON)
Bendahari Negeri
Melaka

- s.k:
1. YB. Datuk Wira Setiausaha Kerajaan Negeri,
Melaka
 2. YB. Datuk Pegawai Kewangan Negeri
Melaka